

# **MAJLIS PEMAKAIAN HOOD**

## **Sidang 97**

**4 Ogos 2023**

---

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA**  
**PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

---

**NAIB CANSELOR UiTM**

---

## Terima kasih pengacara majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

- Yang Berbahagia **Prof. Ir. Dr. Zuhaina Hj. Zakaria**  
Dekan Institut Pengajian Siswazah
- Yang Berbahagia **Prof. Datin Dr. Suzana Sulaiman**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Barisan Pengurusan Kanan UiTM
- Pengurusan IPSis dan Jawatankuasa Penganjur
- Para Penyelia dan Para Graduan yang diraikan
- Seterusnya para hadirin yang saya hormati sekalian

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan para graduan di Majlis Pemakaian *Hood* sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA yang ke-97.
2. Saya percaya majlis ini dan Istiadat Konvokesyen ke-97 esok merupakan detik yang semestinya dinantikan dan menjadi satu catatan sejarah khususnya kepada para graduan, ibu bapa dan keluarga.
3. Majlis ini bertujuan meraikan pencapaian dan kejayaan tertinggi graduan doktor falsafah yang dihasilkan oleh UiTM. Sehubungan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua graduan dan penyelia dalam menyumbang ilmu dan hasil penyelidikan bagi mencapai aspirasi kecemerlangan akademik dan universiti.

Saudara-saudari merupakan bukti kepada ketekunan dan disiplin diri bagi mencapai kejayaan dalam perjalanan kehidupan. Syabas dan Tahniah!

4. Ucapan syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Institut Pengajian Siswazah (IPSiS) yang menganjurkan majlis ini. Saya berharap tradisi ini terus dikekalkan di masa hadapan untuk memastikan pencapaian dan kejayaan graduan PhD dapat diraikan.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

5. Sebagai Naib Canselor saya amat berbangga dengan pencapaian UiTM sehingga kini. Baru-baru ini, kita mendapat khabar gembira iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) melonjak 102 anak tangga daripada kedudukan 657 pada tahun lalu, bagi mencapai kedudukan ke-555 dalam QS World University Rankings 2024.

6. Selain berjaya mencatatkan rekod baharu, lonjakan kedudukan ini menjadikan UiTM berada dalam kelompok 37 peratus teratas daripada 1,503 institusi seluruh dunia yang diukur oleh QS World University Rankings.

7. QS World University Rankings mengukur prestasi universiti berdasarkan sembilan indikator iaitu reputasi akademik, sitasi setiap fakulti, reputasi majikan, hasil pekerjaan, nisbah pelajar fakulti, fakulti antarabangsa, rangkaian penyelidikan antarabangsa, pelajar antarabangsa dan kemampanan.

8. Daripada indikator ini, reputasi majikan terus menjadi indikator terkuat UiTM apabila ia melonjak 11 anak tangga untuk mencapai kedudukan ke-184 berbanding kedudukan 195 di seluruh dunia tahun lalu. Dengan pencapaian ini, kini UiTM berada dalam kedudukan sepuluh institusi yang terbaik di Malaysia.

9. Pengiktirafan ini menunjukkan bahawa lonjakan kejayaan UiTM dalam memastikan agenda akademik UiTM sebagai sebuah universiti dikenali dunia (*Globally Renowned University*) dapat dicapai dan UiTM setanding untuk bersaing dengan universiti terkemuka lain di dunia.

### **Para Graduan Yang Dikasihi Sekalian,**

10. Saya ingin berpesan kepada semua graduan yang hadir pada hari ini, agar sentiasa menghargai mereka yang telah banyak berkorban demi kejayaan saudara-saudari. Berikan penghargaan kepada para penyelia dan keluarga yang telah banyak menyumbangkan idea, ilmu dan suntikan semangat dalam memastikan kejayaan ini dapat dinikmati semua.

11. Saya juga ingin menggalakkan para graduan untuk sentiasa kekal dan terus berhubung dengan UiTM walau di mana jua saudara-saudari berada kerana saudara-saudari merupakan kebanggaan UiTM dan Malaysia.

12. Sebagai alumni UiTM, saudara-saudari merupakan duta kecil kami dan besar harapan UiTM agar dapat melihat graduan PhD UiTM yang dilahirkan mampu berdaya saing dan mengharumkan nama UiTM dan Malaysia di persada dunia.
  
13. Dengan lafaz *Bismillahhirrahmanirrohim*, saya dengan ini merasmikan **Majlis Pemakaian Hood bagi Istiadat Konvokesyen ke-97 Universiti Teknologi MARA**. Sekali lagi ucapan tahniah kepada graduan dan penyelia atas pencapaian ini.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah,**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**